



PANDUAN DAN PERATURAN SKIM CUTI PENYELIDIKAN

UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

1.0 Pengenalan

Satu kemudahan yang diberi kepada pegawai akademik yang berstatus tetap untuk menumpukan perhatian kepada pelaksanaan penyelidikan dalam bidang kepakaran masing-masing.

2.0 Objektif

Memberikan peluang kepada pegawai akademik untuk menumpukan perhatian kepada penyelidikan yang dijalankan

3.0 Syarat dan Kelayakan

- 3.1 Pegawai akademik yang telah disahkan dalam jawatan dan telah berkhidmat sekurang-kurangnya selama 3 tahun.
- 3.2 Pegawai hendaklah mendapat kebenaran daripada ketua PTJ.
- 3.3 Skim cuti penyelidikan ini adalah tidak terpakai bagi pegawai akademik atau tutor yang sedang dalam tempoh cuti belajar.

4.0 Tempoh Cuti Penyelidikan

Tempoh cuti penyelidikan yang dibenarkan adalah maksimum 3 bulan.

5.0 Aktiviti Dan Penajaan

- 5.1 Aktiviti semasa tempoh cuti penyelidikan boleh dilaksanakan samada dalam atau luar negara.
- 5.2 Pegawai hendaklah memaklumkan tempat di mana cuti tersebut akan dilaksanakan.

5.0 Penerbitan dan Harta Intelek

- 5.1 Segala penerbitan oleh pegawai mestilah membawa nama UPM.

- 5.2 Segala hak harta intelek selain daripada 6.1, sekiranya mendapat kebenaran daripada tempat pegawai menjalankan cuti penyelidikan, hendaklah membawa nama UPM.

6.0 Kemudahan Yang Layak

Kemudahan yang layak diperolehi adalah seperti yang berikut:-

- 6.1 Emolumen dan elaun dalam perkhidmatan
- 6.2 Elaun pakaian panas (tertakluk kepada kelayakan).

8.0 Laporan Diri

- 8.1 Pegawai hendaklah melapor diri sejurus selepas tarikh tamat tempoh cuti penyelidikan dengan mengisi borang laporan diri yang disahkan oleh Ketua Jabatan dan Dekan Fakulti.
- 8.2 Pegawai yang gagal melapor diri akan dilucutkan hak emolumen dan elaun perkhidmatan.

9.0 Kaedah Permohonan

- 9.1 Setiap permohonan perlu disertakan dengan surat sokongan daripada Ketua Jabatan dan Dekan
- 9.2 Permohonan mestilah dimajukan kepada Pejabat Pendaftar melalui Dekan Fakulti tidak kurang daripada tiga (3) bulan sebelum tarikh permulaan pasca kedoktoran.

10.0 Kenaikan Pangkat

Pegawai layak dipertimbangkan untuk kenaikan pangkat sepanjang tempoh menjalani cuti penyelidikan.

11.0 Cuti Rehat

- 11.1 Pegawai tidak layak mendapat cuti rehat sepanjang tempoh menjalani cuti penyelidikan.